



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN



KBS : 106/2025

KAMPUNG ANGKAT MADANI KAMPUNG TEMELONG SEBAGAI DESTINASI PELANCONGAN REKREASI BAHARU

7 DISEMBER 2025

1. Majlis Peluncuran Kampung Angkat MADANI di Kampung Temelong, Lenggong, Perak hari ini disempurnakan secara bersama oleh **YB Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar Nasarah**, Timbalan Menteri Dalam Negeri merangkap Ahli Parlimen Lenggong dan **Puan Azura binti Abidin**, Ketua Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN). Pelancaran ini menandakan komitmen berterusan kerajaan dalam memperkasa pembangunan luar bandar selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI.
2. Program Kampung Angkat MADANI merupakan inisiatif Kerajaan MADANI yang memfokuskan pendekatan *whole-of-government* bagi merapatkan jurang pembangunan antara bandar dan luar bandar melalui penyertaan agensi kerajaan, rakan strategik dan penglibatan aktif komuniti setempat.
3. Kampung Temelong dipilih sebagai Kampung Angkat MADANI JBSN berdasarkan potensi besar Pulau Temelong untuk dibangunkan sebagai destinasi rekreasi dan pelancongan desa baharu di daerah Lenggong. Keindahan alam semula jadinya memberi kelebihan kepada usaha pembangunan berasaskan rekreasi dan aktiviti air.
4. Naik taraf Pulau Temelong melibatkan pembaikan *deck*, jeti, jalan dan *gabion* serta penaiktarafan kemudahan asas seperti tandas, tapak perkhemahan, dewan dan surau terbuka. Turut dilaksanakan ialah pemasangan lampu solar, papan tanda baharu dan penyelenggaraan landskap bagi memastikan kawasan lebih teratur, selamat dan kondusif untuk pengunjung.
5. Lebih 10 skop kerja berjaya disempurnakan dengan nilai hampir RM1 juta, menjadikan projek ini pelaburan signifikan dalam memacu pertumbuhan pelancongan desa dan peluang ekonomi setempat.
6. Menurut Puan Azura, pembangunan ini mencerminkan kesungguhan kerajaan untuk memastikan komuniti luar bandar menikmati pembangunan yang inklusif. Kerjasama erat JBSN bersama Kerajaan Negeri Perak, JPKK Temelong, Kelab

Rakan Muda Warisan Alam dan institusi pendidikan tempatan merupakan faktor utama kejayaan awal projek ini.

7. Permintaan tinggi terhadap aktiviti seperti berkayak, berakit dan memancing turut memacu reputasi Pulau Temelong sebagai tapak rekreasi pilihan. Tempahan aktiviti bagi Januari hingga Februari 2026 dilaporkan penuh, menandakan keyakinan pengunjung terhadap kemudahan baharu yang disediakan.
8. Penyertaan aktif belia dalam pembangunan Kampung Temelong bertepatan dengan Indeks Belia Malaysia (IBM) yang menekankan pembangunan sosial, peluang pekerjaan dan penyertaan komuniti. Belia menjadi pemangkin kepada penghasilan idea pelancongan desa yang lebih kreatif dan mampan.
9. Dalam ucapan beliau, YB Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar Nasarah menyifatkan inisiatif Kampung Angkat MADANI sebagai langkah tepat dalam memastikan masyarakat luar bandar tidak tercicir dalam arus pembangunan. Beliau turut menekankan pentingnya sinergi antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan komuniti setempat.
10. Beliau turut memaklumkan bahawa Lenggong bertuah kerana dipilih sebagai lokasi kepada **dua** Kampung Angkat MADANI: Kampung Temelong oleh JBSN dan Kampung Beng oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN). Kampung Beng yang dikenali sebagai “Mini Amazon Malaysia” melengkapi ekosistem pelancongan desa Hulu Perak.
11. JBSN yakin bahawa pendekatan *whole-of-government* serta sokongan kukuh komuniti akan menjadikan Kampung Temelong sebagai model pembangunan luar bandar MADANI yang progresif, sejahtera dan mampan.
12. Program Kampung Angkat MADANI diterajui JBSN dengan sokongan pelbagai agensi persekutuan, negeri dan rakan komuniti, selaras dengan nilai Kesejahteraan, Kemampanan dan Ihsan yang menjadi teras Malaysia MADANI.
13. Untuk sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut mengenai penganjuran majlis ini, boleh menghubungi Hakimi Hassim di talian 012-3901825 atau melalui e-mel hakimi@kbs.gov.my.

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN BELIA DAN SUKAN NEGARA
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**

